

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KEPADA PENGUSAHA BAS KE ATAS PEMBELIAN BAS SIAP TERMASUK PENYAMAN UDARA YANG DIPASANG DALAM NEGARA

Tujuan

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan syarat-syarat dan prosedur permohonan pengecualian cukai jualan ke atas pembelian bas siap termasuk penyaman udara.

Latar Belakang

Pelanjutan tempoh pengecualian cukai jualan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024 turut terpakai ke atas pengusaha bas sekolah, bas henti-henti, bas ekspres, bas persiaran dan bas pekerja. Kementerian Kewangan bersetuju memberi pengecualian cukai jualan kepada pengusaha bas ke atas pembelian bas siap termasuk penyaman udara yang dipasang dalam negara dengan bertujuan untuk mengurangkan kos operasi dan membantu pengusaha bas mengharungi kesan daripada wabak Coronavirus (COVID-19) di Malaysia.

Pengusaha bas yang ingin membeli komponen utama bas untuk dipasang oleh pengilang / pemasang bas juga layak mendapat pengecualian cukai jualan. Komponen utama tersebut adalah seperti berikut:

- i. *Chasis Fitted Engine*; dan
- ii. Penyaman Udara.

Pengusaha Bas Yang Layak

- i. Bas Ekspres;
- ii. Bas Berhenti-Henti;
- iii. Bas Sekolah;
- iv. Bas Persiaran; dan
- v. Bas Pekerja.

Prosedur Permohonan

- i. Pengusaha bas hendaklah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan **sebelum pembelian** dibuat.
- ii. Permohonan tersebut hendaklah disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - a. Kelulusan Salinan permit yang sah iaitu **Surat Tawaran Kelulusan (STK)** sama ada daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP); dan
 - b. Salinan invois / sebut harga / *purchase order* / *buyer's order* / resit deposit.

- iii. Melengkapkan **BORANG TAX/PB/2023/1** hingga **TAX/PB/2023/4** beserta nombor enjin dan nombor chasis untuk dikemukakan kepada :-

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Seksyen Perkhidmatan II)

No. Telefon : 03-8882 3376/ 4015
No. Faks : 03-8882 3885
E-mel : maznah.derani@treasury.gov.my /
nurasyiqindanisha@treasury.gov.my

Kelulusan adalah tertakhluk kepada syarat berikut:

- i. Pengusaha bas yang menjalankan perusahaan bas sepenuh masa seperti yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- ii. Bas hendaklah didaftarkan atas nama pengusaha bas / syarikat dan disenaraikan dalam *inventory list* pengusaha bas bagi tujuan pemeriksaan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- iii. Bas tersebut tidak boleh dijual atau dipindah milik kepada pihak lain tanpa kebenaran Kementerian Kewangan Malaysia dan jika diluluskan syarikat dikehendaki membayar semua cukai jualan yang terlibat tertakhluk kepada nilai semasa kenderaan tersebut berdasarkan pengiraan JKDM;
- iv. Pengusaha bas yang layak diberi pengecualian ini perlu mempunyai kelulusan lesen permot yang sah daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP); dan
- v. Kelulusan pengecualian ini juga boleh dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Menteri Kewangan tanpa memberi apa-apa sebab dan pihak yang berkenaan dikehendaki membayar balik cukai jualan yang diberi semasa pengecualian cukai diberikan.

Tempoh Pengecualian

Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.**

Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan
3 Januari 2023

AKUAN PENERIMAAN**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PEMBELIAN BAS SIAP TERMASUK
PENYAMAN UDARA YANG DIPASANG DALAM NEGARA OLEH PENGUSAHA BAS****BUTIRAN PEMOHON**

Nama Syarikat Pengusaha Bas

No. Lesen APAD/LPKP

Alamat Syarikat Pengusaha Bas

No. Telefon / E-mel

BUTIRAN KENDERAAN

Jenis Bas

Model

Bil. Unit Bas

No. Enjin

No. Chasis

***Sila lengkapkan BORANG TAX/PB/2021/3 jika jumlah pembelian bas melebihi 5 (lima) unit**Dengan ini, saya mengesahkan bahawa maklumat
diatas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Untuk kegunaan Pejabat sahaja

Cop terima

Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian :

Kaunter : 03-8882 4081

Pejabat Am : 03-8882 3376

SENARAI SEMAK

**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PEMBELIAN BAS SIAP
TERMASUK PENYAMAN UDARA YANG DIPASANG DALAM NEGARA OLEH
PENGUSAHA BAS**

1. Surat rasmi permohonan daripada pengusaha bas

2. Borang TAX/PB/2021/1-4

3. Salinan Surat Tawaran Kelulusan (STK)
APAD/LPKP

4. Salinan invoice / sebut harga / *purchase order* /
buyer's order / resit deposit

5. Salinan SSM berserta e-Info

ALAMAT :

Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia
Aras 7, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia,
No.5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
62592 PUTRAJAYA.
(u.p.: Seksyen Perkhidmatan II)

**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PEMBELIAN BAS SIAP TERMASUK
PENYAMAN UDARA YANG DIPASANG DALAM NEGARA OLEH PENGUSAHA BA**

PENGUSAHA BAS:

NO. LESEN APAD/LPKP:

BILANGAN BAS YANG DICADANGKAN UNTUK DIBELI:

TEMPOH SAH LESEN:

NO.	KETERANGAN PERALATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI	KUANTITI	NAMA PENGELUAR/PEMASANG	JANGKAAN TARIKH PEMBELIAN	HARGA (RM)	JUMLAH CUKAI JUALAN (RM)
1.	CHASIS FITTED WITH ENGINE Model : No. Enjin : No. Casis					
2.	PENYAMAN UDARA					
3.	BADAN BAS					
			JUMLAH BESAR (RM)			

No. Telefon :

E-mel :

 Surat keputusan : ☐ Pos ☐ Kaunter